

KYTRON TABLET 1 MG

Granisetron (1 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Kytron*
2. Bagaimana *Kytron* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Kytron*
4. Cara menggunakan *Kytron*
5. Semasa menggunakan *Kytron*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Kytron*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan *Kytron*

Ubat ini digunakan untuk mencegah dan menghentikan rasa mual (loya) atau muntah-muntah. Secara khusus, ia berguna apabila anda perlu menjalani rawatan perubatan yang boleh menyebabkan anda rasa mual, loya atau muntah-muntah, sebagai contoh, kemoterapi atau radioterapi.

Sila rujuk kepada doktor anda sekiranya terdapat sebarang pertanyaan tentang sebab ubat ini telah ditetapkan untuk anda.

Bagaimana *Kytron* berfungsi

Kytron mengandungi bahan aktif granisetron hidoklorida. *Kytron* tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil penyekat 5-hydroxytryptamine (5-HT₃) reseptor. Ia bertindak dengan menyekat salah satu bahan semula jadi tubuh (serotonin) yang akan dirangsang oleh kemoterapi dan radioterapi yang menyebabkan muntah-muntah.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan *Kytron* dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin membekalkan *Kytron* untuk tujuan lain.

Sebelum menggunakan *Kytron*

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- granisetron
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Kytron tidak boleh diambil oleh kanak-kanak untuk pencegahan dan rawatan loya dan muntah dikaitkan dengan kemoterapi dan radioterapi.

Jangan mengambil *Kytron* selepas tarikh luput pada pek ini atau sekiranya bungkus koyak atau menunjukkan tanda-tanda ia dibuka.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila rujuk kepada doktor anda.

- Sebelum menggunakan *Kytron*

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Bincang dengan doktor anda sebelum mengambil *Kytron* jika anda:

- mengalami masalah jantung yang berkaitan dengan perubahan dalam rentak atau kadar denyutan jantung anda.
- mengalami tanda-tanda usus tersumbat
- mengambil ubat yang mengandungi serotonin
- pernah menggunakan *Kytron*, dan anda rasa tidak sedap badan. Sebaliknya, anda mungkin perlu diberi ubat lain.

Beritahu doktor anda jika anda hamil, bercadang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan manfaat ubat ini.

Kytron tidak boleh diambil oleh pesakit yang mengalami masalah keturunan gula intoleransi yang jarang jumpa *galactose intolerance*, *lactase deficiency* atau *glucose-galactose malabsorption*.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan *Kytron* boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ubat-ubat tersebut termasuk:

- Phenobarbitone iaitu ubat yang digunakan untuk merawat sakit sawan (epilepsi). Phenobarbitone mungkin terjejas oleh *Kytron* atau boleh menjejaskan keberkesanan

Kytron. Anda mungkin perlukan jumlah ubat yang berbeza, atau anda mungkin perlu untuk mengambil ubat lain.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil *Kytron* atau yang perlu dilakukan.

Cara menggunakan *Kytron*

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil *Kytron* seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan mengambil ubat ini melebihi daripada yang disyorkan oleh doktor anda.

Orang dewasa:

Untuk pencegahan rasa loya dan muntah yang dikaitkan dengan kemoterapi: 1 tablet dua kali sehari atau 2 tablet sekali sehari sehingga satu minggu susulan kemoterapi.

Untuk pencegahan dan rawatan rasa loya dan muntah- muntah yang dikaitkan dengan radioterapi : 2 tablet sekali sehari sehingga satu minggu susulan radioterapi.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

- Bila perlu digunakan

Jika anda dipreskripsi dengan dos daripada 1 mg, ambil dos itu dua kali sehari, pada waktu pagi dan pada waktu petang sekali.

Jika anda dipreskripsi dengan dos harian 2 mg, ambil dos itu sekali sehari. Ambil ubat anda pada kira-kira masa yang sama setiap hari.

Ambil ubat dalam tempoh 1 jam sebelum permulaan terapi.

Telan keseluruhan ubat dengan segelas air.

Anda boleh mengambil ubat ini sebelum atau selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil *Kytron* selagi diarahkan oleh doktor anda.

Doktor anda akan memaklumkan anda bila rawatan anda perlu dihentikan.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil *Kytron*, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan

segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Simpan nombor telefon di tempat yang senang dicapai.

Jika anda tidak pasti apa perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan *Kytron*

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Beritahu doktor anda jika, untuk sebarang sebab, anda tidak mengambil ubat ini seperti yang diarahkan.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil *Kytron*.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil *Kytron*.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil *Kytron* untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda. Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya ia tidak serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Sesetengah kesan sampingan yang biasa termasuklah:

- Sakit kepala
- Sembelit

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.npra.gov.my (Public → Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Kytron

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pekny. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

Jangan simpan *Kytron* atau

ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil *Kytron* atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kytron Tablets 1 mg:

Pil berwarna putih, berbentuk segi tiga, cembung, bersalut dan dicetak '1GN' pada satu permukaan dan tiada cetakan pada permukaan sebelah.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- *Kytron Tablet 1 mg:*
Setiap pil mengandungi 1 mg granisetron

Bahan tidak aktif:

- Lactose Monohydrate
- Microcrystalline Cellulose
- Hypromellose (E5)
- Sodium Starch Glycolate
- Magnesium Stearate
- Polyethylene Glycol 4000
- Polysorbate 80
- Titanium Dioxide

- Nombor MAL

Kytron Tablet 1 mg:
MALXXXXXXXXXA

Pengilang

Natco Pharma Limited
(Pharma Division),
Kothur, Rangareddy District,
509 228 Telangana,
India.

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M)
SDN. BHD. (42491-M)
WHOLLY OWNED BY
CCM DUOPHARMA
BIOTECH BERHAD
(524271-W)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang
Jaya, 41200 Klang, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

10/04/2018